

Pendidikan Karakter

Membentuk Sikap dan Nilai Positif Pelajar

Pendidikan karakter merupakan satu daripada elemen penting dalam sistem pendidikan yang bertujuan untuk mengembangkan sikap dan nilai positif pelajar. Pendidikan ini melibatkan usaha yang sistematik secara berterusan untuk membentuk sahsiah yang baik, mengembangkan nilai murni serta memupuk etika yang cemerlang.

Dalam dunia yang semakin kompleks dan pendidikan karakter ternyata semakin penting dan berperanan membentuk generasi baharu yang bertanggungjawab. Sabda Rasulullah yang bermaksud "Sebaik-baik kalian ialah orang yang diharapkan kebaikannya dan (orang lain) berasa aman daripadanya." (Hadis riwayat al-Tirmidzi).

Mengapakah Pendidikan Karakter Penting?

Pendidikan karakter menjadi asas penting untuk membentuk individu yang berintegriti dan bertanggungjawab, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan dunia yang harmonis. Selain membantu menangani cabaran sosial, pendidikan karakter juga mempersiapkan individu untuk menjadi pemimpin yang bertanggungjawab seiring dengan tuntutan agama untuk melahirkan berakhlak mulia dan bermanfaat kepada ummah.

Dalam konteks pentarbiahan diri pelajar, pendidikan karakter membantu mengurangkan masalah disiplin di sekolah menerusi penerapan nilai positif dalam diri pelajar sejak awal. Apabila pelajar memahami dan menghayati nilai seperti tanggungjawab, kejujuran, rasa hormat, mereka lebih cenderung untuk mematuhi peraturan sekolah dan mengelakkan tingkah laku negatif seperti tidak hadir ke sekolah dan melakukan keganasan fizikal.



di pendidikan karakter, pelajar dididik tentang disiplin dan seterusnya mereka boleh mempengaruhi orang lain serta persekitaran. Maka itu, pelajar lebih cenderung untuk positif dan mengekalkan sikap tersebut sama ada dalam mahupun di luar bilik darjah, di samping persekitaran sekolah yang lebih aman, dan kondusif. Secara tidak langsung, hal ini membantu mengurangkan bebanan guru dan khususnya untuk mendepani isu disiplin pelajar. Selain itu, dikan karakter menekankan kepentingan sikap hormat-menghormati, kejujuran dan integriti dalam kalangan pelajar. Sikap hormat ini membantu pelajar menghargai perbezaan pendapat dan menghargai perbezaan pendapat orang lain. Sementara itu, kejujuran akan membantu pelajar bertindak secara berintegriti dalam semua situasi. Empati pula membolehkan pelajar memahami dan menghargai perasaan serta keperluan orang lain. Nilai tersebut sangat penting untuk mewujudkan keharmonian dalam masyarakat.

Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Karakter

Pengajaran dan pembelajaran pendidikan karakter dilakukan melalui pelbagai pendekatan yang berkesan dan interaktif, antaranya termasuklah:

Aktiviti Kokurikulum

Aktiviti seperti sukan, kelab dan program lain ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menerapkan nilai positif dalam konteks yang berkesan dan praktikal. Sebagai contoh, penyertaan dalam kelab sukan mendidik pelajar tentang semangat berpasukan demi mencapai matlamat yang ditetapkan. Sementara itu, pelaksanaan projek komuniti seperti aktiviti kesukarelawanan akan meningkatkan kesedaran membolehkan pelajar menghayati nilai empati dan tanggungjawab sosial. Selain itu, cara membantu pihak yang memerlukan bantuan secara tidak langsung, aktiviti tersebut melatih pelajar untuk berinteraksi dan menghadapi cabaran secara bijak dan tenang.

Model dan Teladan

Guru dan kakitangan sekolah berperanan sebagai teladan kepada pelajar. Apabila mereka menunjukkan sikap dan akhlak yang baik seperti jujur, bertanggungjawab dan saling menghormati, maka mereka akan lebih cenderung untuk bertindak demikian. Selain itu, mereka juga dapat menunjukkan sikap yang baik kepada orang lain yang dapat mempengaruhi sikap dan tingkahlaku mereka.

pelajar. Demikian juga apabila guru berintegriti dan bersikap positif dalam interaksi bersama-sama dengan pelajar atau rakan sekerja. Suri teladan yang baik bukan sahaja menjadi inspirasi kepada pelajar malah lebih daripada itu, mampu melahirkan generasi yang bersahsiah tinggi dan bertamadun.

3 Simulasi dan Permainan Peranan

Satu daripada kaedah pendidikan karakter adalah dengan melibatkan pelajar dalam situasi praktikal untuk menerapkan nilai karakter dalam kehidupan sebenar. Melalui kaedah ini, pelajar diberi peranan tertentu dan diminta untuk bertindak dalam senario yang melibatkan konflik moral atau situasi sosial yang memerlukan keputusan etika. Melalui simulasi dan permainan peranan, pelajar memperoleh pengalaman langsung kesan daripada tindakan mereka dan belajar untuk menyelesaikan masalah berdasarkan prinsip etika yang betul. Pelajar tidak hanya memahami teori moral, tetapi juga mengembangkan kemahiran praktikal dengan cara mengambil tindakan yang sesuai dalam kehidupan sebenar.

Cabaran Pelaksanaan Pendidikan Karakter

Pelaksanaan pendidikan karakter menghadapi beberapa cabaran yang perlu ditangani untuk memastikan keberkesanannya. Antara cabaran utama yang sering dihadapi termasuklah:

1 Sokongan daripada Keluarga dan Masyarakat

Dalam dunia yang semakin terhubung, pendidikan karakter memerlukan kerjasama erat daripada sekolah, keluarga dan komuniti untuk memastikan nilai positif yang dipelajari boleh diterapkan secara konsisten oleh pelajar. Walau bagaimanapun, pada hari ini, dapat diperhatikan bahawa banyak keluarga tidak menyedari atau memahami akan kepentingan pendidikan karakter. Hal ini secara tidak langsung mengakibatkan kurang sokongan atau pelibatan dalam proses tersebut.

Misalnya, sesetengah ibu bapa menganggap bahawa tanggungjawab dan nilai moral hanya perlu diajarkan di bilik darjah dan bukan di rumah. Ibu bapa tersebut tidak menyedari bahawa pendidikan karakter memerlukan tindakan yang praktikal dalam kehidupan seharian yang pada hakikatnya harus dimulakan dari rumah. Dalam hal ini, sangat



Aktiviti kokurikulum dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan diri pelajar.

kesan terhadap gaya hidup, mala turut membentuk pola pemikiran dan sikap pelajar dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Akibat terpengaruh dengan imej dan nilai yang dipaparkan dalam media sosial, pelajar mungkin lebih cenderung untuk mengikuti trend tanpa mempertimbangkan impaknya terhadap identiti dan keputusan yang dibuat dalam kehidupan seharian mereka.

Dalam hal ini, pendidikan karakter yang dilaksanakan secara teratur bersepadu merupakan elemen yang sangat penting untuk membentuk pelajar yang seimbang dari segi akademik dan sahsiah. Apatah la pelajar merupakan tonggak dan

generasi pelapis yang berperanan penting memimpmasa hadapan negara.


Mutiara kata daripada sarjana, “Jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini.” Jika pelajar pada hari ini tidak dibimbing dengan baik, aspirasi negara mungkin hanya tinggal impian. Oleh itu, setiap pelajar perlu dididik dengan nilai murni dan keperibadian mulia sejak kecil. Pada masa yang sama, semua pihak perlu berganding bahu dalam usaha melahirkan generasi modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. 🌟

penting bagi setiap anggota masyarakat untuk saling membantu dan menunjukkan teladan yang baik seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Barang siapa yang menunjukkan kepada kebaikan, maka dia akan mendapat pahala seperti pahala orang yang melakukannya.” (Hadis riwayat Muslim).

2 Pengaruh Media Sosial

Pada era digital hari ini, pengaruh media sosial dan teknologi yang semakin canggih menjadi trend dalam kehidupan masyarakat. Penggunaan telefon pintar mendedahkan pelajar kepada informasi menerusi capaian Internet yang tiada sempadan. Kandungan media sosial sebahagiannya menampilkan unsur negatif yang tidak selari dengan nilai moral dan sosial seperti yang diajarkan di sekolah termasuklah elemen kehidupan glamor, perbandingan yang tidak sihat dan buli siber.

Kewujudan media sosial tidak dinafikan mampu mempengaruhi sikap dan jati diri pelajar terutamanya dari sudut cara mereka berinteraksi dan membuat keputusan. Keadaan ini dapat dilihat melalui ketaasuban sesetengah pelajar terhadap cara hidup yang dipengaruhi oleh pelajar. Hal ini bukan sahaja memberikan



Semangat berpasukan merupakan nilai positif yang ditekankan menerusi pendidikan karakter.